

Tanah runtuh di Sabah

Anwar arah segera baik pulih kerosakan IPG Kampus Gaya

PM mahu laporan lebih terperinci daripada Kementerian Pendidikan

Oleh Rafiqah Dahali
bhnews@bh.com.my

Kota Kinabalu: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan kerja membaik pulih kerosakan bangunan yang terjejas akibat tanah runtuh di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Gaya, Sabah dipercepat.

Perdana Menteri berkata pihaknya juga mahu laporan lebih terperinci daripada Kementerian Pendidikan (KPM) disegerakan.

“Menteri Pendidikan (Fadhilina Sidek) sudah mengemuka laporan awal ke Jemaah Menteri, Rabu lalu.

“Kita menunggu laporan akhir yang saya minta semuanya segera,” katanya selepas meninjau kawasan tanah runtuh IPG Kampus Gaya, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Men-

teri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor; Timbalan Ketua Menteri III merangkap Menteri Kerja Raya Sabah, Datuk Shahelmey Yahya dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah merangkap EXCO Agama dan Pendidikan Sabah, Datuk Dr Mohd Arifin Mohd Arif.

Perdana Menteri turut menegaskan beliau mahu kerja membaik pulih dipercepat tanpa mengikut proses biasa.

“Saya tidak mahu ikut proses biasa kerosakan (bangunan akibat tanah runtuh) ini bukan proses biasa.

“Kalau kita ikut proses biasa, mahu siapkan jalan (atau) kemudahan terlalu lama.

“Oleh itu, kita sudah minta supaya proses ini dipercepat,” katanya.

Dalam pada itu Anwar berkata, perundingan secara lanjut berkenaan perkara terbabit akan dilakukan bersama kerajaan Sabah selepas mendapat laporan penuh.

“Soal prasarana, termasuk jalan dan IPG ini satu keutamaan. Kita tunggu laporan kejuruteraan sama ada boleh kekal ba-



Anwar bersama Hajiji meninjau kesan runtuhan pada lereng bukit di IPG Kampus Gaya di Kota Kinabalu, semalam.

(Foto Mohd Adam Arinin/BHJ)

ngunakan semula di sini.

“Atau pun kita akan runding dengan kerajaan negeri bagi mendapatkan satu kawasan baharu untuk dibangunkan dalam tempoh segera,” katanya.

Ditanya mengenai anggaran kos membaik pulih kerosakan,

Perdana Menteri berkata, anggaran kos belum dikemuka kepada pihaknya.

Rabu lalu, KPM mengarahkan pengosongan serta-merta bangunan kuarters berhampiran kawasan tanah runtuh di IPG Kampus Gaya, bagi memastikan ke-

selamatan semua warga kampus terjamin.

KPM dalam kenyataan memaklumkan beberapa langkah segera turut diambil, termasuk merobohkan blok bangunan yang terjejas untuk memberi laluan kepada binaan baharu.